

Pejabat Bendahari
Samb. 1177/1188
Fax : 082-581818

**UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK**
94300 Kota Samarahan

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2016

Rujukan : UNIMAS/BEND/01-02/03(23)
Kepada : Dekan/Timbangan Dekan/Pengarah/Ketua Unit/Ketua Penolong
Pendaftar/Penolong Pendaftar
Daripada : Bendahari
Tarikh : 8 Mac 2016
Perkara : **Tatacara Perolehan Universiti Malaysia Sarawak**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan Tatacara Pengurusan Perolehan yang diterima pakai di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Latar Belakang

1. UNIMAS telah diberikan status autonomi pada 22 April 2014 dan diberi kebenaran untuk melaksanakan perkara-perkara di dalam Pekeliling yang diluluskan atau diberi penurunan kuasa selaras pemberian autonomi kepadanya melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia. Rujukan K.KEW/PK/0/9999/000000/11/284 JLD.5 SK. 2 (3) bertarikh 22 Ogos 2014.
2. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat K.KEW/PK/0/9999/000000/11/284 JLD.5 SK. 2 bertarikh 30 Oktober 2015 kepada Kementerian Pendidikan Tinggi telah memuktamadkan Tatacara Perolehan UNIMAS yang dikemukakan untuk dilaksanakan.
3. Mesyuarat Lembaga Pengarah UNIMAS Bil. 1/2016 ke-73 pada 22 Januari 2016 telah bersetuju untuk menggunakan Tatacara Pengurusan Perolehan di UNIMAS.

Tarikh Kuatkuasa

4. Pekeliling Bendahari ini **berkuatkuasa mulai 22 Januari 2016** dan hendaklah dibaca bersekali dengan pekeling yang berkaitan.

Sumber Rujukan

5. Tatacara Perolehan ini boleh diperolehi melalui pautan <http://ir.unimas.my/id/eprint/11069>.

Katalaluan:@perolehan

6. Pautan ini adalah untuk kegunaan dalaman UNIMAS dan katalaluan untuk pauntan ini tidak dibenarkan untuk dipanjangkan kepada pihak luar.

Pembatalan

7. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 8/2014 dan Pekeliling Bendahari Bil.2/2009, PKPU 129(b), PKPU 162(f) **dibatalkan**.

Sekian, harap maklum.



Hj Mazlan Kiflie

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pendaftar